
KAJIAN ANALISIS KEPERLUAN PROGRAM MICRO-CREDENTIAL BERDASARKAN TREND PENYERTAAN KURSUS PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI NEGERI JOHOR

Nazila Masdor¹, Noreles Ali² & Salasiah Amin³

^{1 2 3}Kolej Komuniti Segamat, Johor

nazila@kkseg.edu.my, noreles@kkseg.edu.my, salasiah@kkseg.edu.my

Abstrak

Kajian analisis keperluan program ini dilaksanakan bagi mengenal pasti kursus micro-credential (MC) yang bersesuaian ditawarkan di negeri Johor mengikut trend penyertaan peserta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). Program PSH berkonsepkan MC ini dijangka ditawarkan pada tahun 2024 dan 2025 di Kolej Komuniti (KK) negeri Johor. Kajian ini perlu bagi memastikan tawaran kursus MC pada masa akan datang mengikut permintaan komuniti setempat dan dapat mencapai objektif MC untuk menyokong PSH, memperluaskan capaian pembelajaran dan membina pembangunan diri, pembangunan akademik dan pembangunan profesional (Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2023). Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dapatan trend permintaan peserta PSH mengikut bidang kluster pengajian PSH Kolej Komuniti negeri Johor dan mengenal pasti kursus MC yang bersesuaian. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kuantitatif dengan penggunaan teknik dapatan data secara pemerhatian. Data dirujuk menggunakan analisis dokumen daripada Sistem ePSH dan Rancangan Struktur Negeri Johor 2023 (RSNJ2030). Responden adalah peserta PSH seluruh negeri Johor iaitu seramai 15905 tahun 2020, 11205 pada 2021 dan 31664 pada tahun 2022. Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati trend permintaan kursus PSH mengikut kluster yang bersesuaian untuk ditawarkan MC sentiasa meningkat setiap tahun dan ia juga seiring dengan kursus yang ditawarkan secara sepenuh masa di KK Johor. Ini membuktikan konsep MC jika ditawarkan di Kolej Komuniti Negeri Johor akan mendapat sambutan menggalakkan dari komuniti setempat. Kesimpulannya, kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan di mana implikasinya dapat membantu membuka ruang kepada komuniti setempat untuk mendapatkan kemahiran dalam kluster yang dipilih seterusnya meningkatkan peluang dalam kerjaya mahupun peningkatan dalam kualiti hidup. Cadangan penambahbaikan adalah dengan membuat kajian lebih lanjut berkenaan dengan tahap kesedian KK sebelum menawarkan program MC, kajian kesedaran komuniti untuk meningkatkan kemahiran baru dan kajian untuk mengenalpasti teknologi terkini yang diperlukan dalam bidang-bidang tertentu supaya penawaran kursus MC berjalan seiring dengan kehendak teknologi terkini.

Keywords : *melanjutkan pengajian, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Micro-credentials (MC)*
